

SULIT
3757/1
EKONOMI
ASAS
KERTAS 1
NOVEMBER
2002
1 JAM

3757/1

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002

TINGKATAN EMPAT

EKONOMI ASAS

KERTAS 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan

1. *Jawab soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

Kertas 1

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik dan hitamkan ruangan yang sepadan bagi tiap-tiap soalan pada kertas jawapan objektif anda.

Penggunaan sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terbatas

1. Antara berikut yang manakah menunjukkan gelagat individu seperti dalam pernyataan di atas?
A Mengutamakan kestabilan ekonomi
B Berusaha unuk meninggikan kesejahteraan hidup
C Menentukan jumlah output yang hendak dikeluarkan
D Membelanjakan wang untuk kepuasan yang maksimum
2. Antara berikut yang manakah bukan masalah asas ekonomi ?
A Memilih cara pengeluaran yang menjimatkan
B Menentukan barang yang menjadi pilihan pengguna
C Memastikan jumlah barang yang hendak dihasilkan
D Menentukan kualiti barang yang hendak dikeluarkan
3. Antara yang berikut yang manakah menjadi asas kewujudan ilmu ekonomi ?
A Usaha manusia untuk meningkatkan kesejahteraan hidup
B Usaha manusia dalam menggunakan semua sumber ekonomi yang ada
C Usaha manusia untuk memenuhi keperluan dan kehendak dalam kehidupan mereka
D Usaha manusia untuk menyeimbangkan pelbagai keinginan dengan sumber ekonomi yang ada
4. Berikut adalah sebab wujudnya kos lepas kecuali
A Sumber adalah terhad
B Sumber yang terhad berbanding dengan banyak barang yang hendak dikeluarkan
C Sumber yang terhad menyebabkan manusia membuat pilihan
D Kos pengeluaran yang semakin meningkat
5. Harga digunakan sebagai petunjuk dalam menyelesaikan masalah asas ekonomi. Antara berikut sistem ekonomi manakah yang melaksanakan amalan tersebut ?
A Sistem ekonomi sara diri C Sistem perancangan pusat
B Sistem ekonomi kapitalis D Sistem ekonomi campuran
6. Antara berikut, yang manakah benar tentang sistem ekonomi pasaran bebas ?
I. Pengusaha memiliki sumber
II. Persaingan berlaku tanpa batasan
III. Setiap orang dapat menikmati keperluan asas yang minimum
IV. Golongan kaya menikmati lebih banyak barang dan perkhidmatan berbanding golongan miskin

A I, II dan III C I, III dan IV
B I, II dan IV D II, III dan IV
7. Antara berikut, yang manakah dikelaskan sebagai barang percuma ?
A Barang yang penawarannya tidak terhad
B Barangan yang disediakan oleh kerajaan
C Hadiah gelas daripada pembelian ubat gigi
D Sampel barang yang diedarkan oleh syarikat syampu secara percuma

8. Antara berikut, yang manakah dianggap sebagai masalah asas ekonomi ?
- I. Menentukan jenis barang hendak dikeluarkan
 - II. Menentukan harga barang supaya berdaya saing di pasaran
 - III. Menentukan pengguna yang akan menikmati barangan yang akan dikeluarkan
 - IV. Menentukan kuantiti barangan yang perlu dikeluarkan

A I, II dan III C I, III dan IV
 B I, II dan IV D II, III dan IV

9. Apakah tujuan sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia ?

- A Menghapuskan pembaziran sumber
- B Meningkatkan teknologi perindustrian
- C Menjaga kepentingan syarikat perniagaan
- D Mengimbangi motif keuntungan dan kebajikan

10. Antara berikut yang manakah dapat menyelesaikan masalah untuk siapa barangan dikeluarkan dalam sistem ekonomi kapitalis dan campuran ?

	Kapitalis	Campuran
A	Kuasa beli masyarakat dan agihan pendapatan	Kerajaan mempengaruhi agihan pendapatan terutama golongan miskin
B	Ditentukan oleh individu berdasarkan keperluan keluarga	Mekanisme harga dan campur tangan kerajaan
C	Ditentukan oleh firma berdasarkan kos	Kerajaan mengeluarkan output untuk dimanfaatkan golongan berpendapatan rendah
D	Kerajaan menyediakan perkhidmatan percuma kepada golongan berpendapatan rendah	Kuasa beli dan taraf hidup masyarakat

11. En. Nordin menerima pendapatan bulanan sebanyak RM 1500. beliau menyimpan RM 500 di dalam bank dan RM 300 untuk perbelanjaan diri sendiri. Bakinya diberikan kepada isterinya untuk perbelanjaan keluarga.

Wang yang diterima oleh isteri Encik Nordin itu dikenali sebagai

A upah C komisen
 B elaun D bayaran pindahan

12. Sebelum boleh dibelanjakan, pendapatan individu tertakluk kepada pelbagai potongan. Potongan itu ialah

- A cukai pendapatan, zakat dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- B cukai pendapatan, subsidi dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- C cukai pendapatan, sewa, zakat dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- D cukai pendapatan, sewa, simpanan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

13.

Tuan Haji Hasan ialah seorang peniaga buah-buahan. Pendapatan bulannya ialah RM 2000. Beliau seorang duda dan mempunyai tiga orang anak yang bersekolah. Setiap bulan beliau mencaerumkan sebanyak RM 220 untuk KWSP dan menabung RM 200.

Pelepasan Cukai: Diri	RM 5000
Isteri	RM 3000
Anak	RM 800

(Setiap seorang)

Berdasarkan maklumat diatas, hitungkan pendapatan Tuan Haji Hassan yang boleh dikenakan cukai?

- | | | | |
|---|----------|---|----------|
| A | RM 8560 | C | RM 11560 |
| B | RM 10960 | D | RM 13960 |

14. Encik Abu Bakar mempunyai seorang isteri yang tidak bekerja dan lapan orang anak yang masih bersekolah menengah dan rendah. Pendapatan beliau ialah RM 17500 setahun. Daripada jumlah pendapatan itu, 11% dicarumkan untuk KWSP dan RM 600 untuk bayaran zakat pendapatan. Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Abu Bakar, sekiranya jumlah cukai pendapatannya ialah RM 65.

- | | | | |
|---|----------|---|----------|
| A | RM 14910 | C | RM 15575 |
| B | RM 14975 | D | RM 16835 |

15. Jika P = Pendapatan individu
Q = Potongan wajib
R = Pendapatan boleh guna

$P = Q + R$

Antara berikut yang manakah benar menerangkan pasangan Q dan R ?

	Q	R
A	Membayar cukai pendapatan	Membeli makanan dan membayar sewa rumah
B	Potongan koperasi	Membayar premium insurans
C	Caruman Tabung Haji	Membayar bil elektrik dan telefon
D	Membeli peralatan sekolah	Membayar zakat


16. Antara berikut pasangan manakah yang menunjukkan pekerjaan dan sektor ekonominya ?

	Pekerjaan	Sektor Ekonomi
A	Penyelia asrama sekolah	Sektor peringkat kedua
B	Jurutera di kilang	Sektor peringkat kedua
C	Pengurus ladang	Sektor peringkat ketiga
D	Buruh binaan	Sektor peringkat ketiga

Harga betik per kilo (RM)	Kuantiti yang diminta (kg)
5	10
4	11
3	12
2	13

Jadual 4

20. Berdasarkan Jadual 4, apakah sifat keanjalan harga permintaan apabila harga betik berubah daripada RM2 ke RM4 ?
- A Anjal C Anjal kosong
B Anjal satu D Tidak anjal
21. Pada harga RM1.50 kuantiti barang Y diminta sebanyak 1 500 unit. Jika nilai keanjalan harga permintaan bagi barang Y ialah satu, berapakah kuantiti diminta apabila harga barang tersebut jatuh kepada RM1.20 ?
- A 300 unit C 1 800 unit
B 1 200 unit D 1 875 unit



Keluk Permintaan Individu Terhadap Barang X

Rajah 1

22. Apakah faktor yang menyebabkan berlaku perubahan daripada kuantiti K_2 ke K_1 dalam gambar rajah di atas ?
- A Kempen iklan yang berjaya
B Pendapatan individu berkurangan
C Harga barang berkenaan meningkat
D Cukai pendapatan individu meningkat

Kuantiti	Jumlah Utiliti
10	100
11	120
12	138
13	144

23. Jadual di atas menunjukkan jumlah utiliti yang dinikmati oleh individu daripada penggunaan barang X.

Hitungkan utiliti sut bagi penggunaan X yang ke-13.

- A 3.3 C 11.1
B 6 D 144

Jenis barang	Barang A	Barang B
Darjah keanjalan	0.8	1.8

24. Jadual di atas menunjukkan darjah keanjalan permintaan bagi Barang A dan Barang B. Apakah kesan terhadap permintaan sekiranya harga kedua-dua barang meningkat sebanyak 10%?

	Barang A	Barang B
A	Kuantiti diminta jatuh melebihi 10%	Kuantiti diminta jatuh melebihi 10%
B	Kuantiti diminta jatuh kurang daripada 10%	Kuantiti diminta jatuh kurang daripada 10%
C	Kuantiti diminta jatuh melebihi 10%	Kuantiti diminta jatuh kurang daripada 10%
D	Kuantiti diminta jatuh kurang daripada 10%	Kuantiti diminta jatuh melebihi 10%





25. Barang X mempunyai keanjalan 1. Apabila harga barang X RM1.25 seunit, kuantiti diminta ialah 1 000 unit.

Berapakah kuantiti yang akan dibeli apabila harga barang X turun kepada RM1.00 seunit?

- A 200 unit C 1 200 unit
B 250 unit D 1 250 unit

26. Syarikat Maju Jaya Sdn. Bhd. telah membeli 30 unit komputer dengan harga RM4 000 seunit. Kenaikan harga komputer kepada RM4 500 seunit telah menyebabkan penurunan permintaan terhadap komputer sebanyak 40%.

Berdasarkan maklumat di atas, antara berikut yang manakah menunjukkan keluk permintaan komputer tersebut?



27. Jadual 5 di bawah menunjukkan hubungan output dengan kos purata sebuah firma.

Output (unit)	Kos Purata (RM)
1	20
2	16
3	12
4	8
5	4

Jadual 5

Andaikan kos tetap ialah RM8.00, berapakah kos berubah pada output ke-5?

- A RM12.00 C RM28.00
B RM20.00 D RM40.00


28. Jadual 6 di bawah menunjukkan jadual pengeluaran sebuah firma.

Input tetap	Input berubah	Jumlah keluaran
3	1	5
3	2	8
3	3	12
3	5	22
3	7	30

Jadual 6

Hitungkan keluaran sut firma bagi input berubah yang ke-5?

- A 4.25 C 5
B 4.4 D 10



Rajah 3

29. Jika keluk penawaran firma X seperti dalam Rajah 3, apakah yang boleh dilakukan oleh firma tersebut?

- A Menetapkan harga sesuatu barang
B Mempengaruhi harga sesuatu barang
C Mengeluarkan barang dengan kuantiti yang kecil pada harga yang tinggi
D Mengubah kuantiti barang yang ditawarkan berdasarkan perubahan harga

Soalan 30 dan 31 adalah berdasarkan jadual kos pengeluaran sebuah firma seperti di bawah.

Output	Jumlah kos (RM)
0	100
2	150
4	190
6	220
8	240

30. Berapakah kos sut bagi keluaran ke-6?
 A 15 C 36.6
 B 30 D 220

31. Berapakah kos tetap dan kos berubah untuk mengeluarkan 4 unit output?

	Kos tetap (RM)	Kos berubah (RM)
A	90	190
B	100	340
C	100	90
D	90	40


32. Jadual di bawah menunjukkan tingkat keluaran, jumlah kos dan kos purata bagi firma R dan firma S.

Firma	Keluaran (unit)	Jumlah Kos (RM)	Kos Purata (RM)
R	M	960	30
S	N	1 248	24

Berapakah M dan N?

	M	N
A	32	52
B	960	1 248
C	990	1 272
D	28 800	29 952


33. Antara berikut, yang manakah kos tetap?
 A Upah buruh asing
 B Pembelian getah asli
 C Pembelian mesin
 D Bayaran kos elektrik



Rajah 5

34. Rajah 5 menunjukkan aliran wang dalam ekonomi dua sektor. Y mungkin sekali
- | | | | |
|---|--------------------|---|-------------------------|
| A | upah dan sewa | C | modal dan tanah |
| B | buruh dan usahawan | D | perbelanjaan masyarakat |

Soalan 35 merujuk kepada Rajah 3 di bawah



Keluk Permintaan dan Penawaran Pasaran
Rajah 3


35. Berdasarkan Rajah 3, apabila harga jatuh daripada H_0 ke H_2 , yang manakah pernyataan berikut benar?
- A Permintaan pasaran melebihi penawaran pasaran sebanyak Q_2Q_4
 - B Permintaan pasaran kurang daripada penawaran pasaran sebanyak Q_1Q_3
 - C Penawaran pasaran melebihi permintaan pasaran sebanyak Q_2Q_4
 - D Penawaran pasaran kurang daripada permintaan pasaran sebanyak Q_1Q_3

Harga (RM)	Permintaan Individu		
	W	G	R
10	20	10	15
20	30	20	20
30	40	30	25
40	50	40	30

Jadual Permintaan Pasaran bagi Keluaran X


36. Jika keseimbangan pasaran berlaku pada harga RM30, kuantiti yang ditawarkan di pasaran ialah
- | | | | |
|---|----|---|-----|
| A | 30 | C | 100 |
| B | 95 | D | 125 |

37. Pada zaman moden ini cirri-ciri pasaran telah berubah. Antara pernyataan berikut yang manakah menunjukkan perubahan tersebut?
- I Pembeli dan penjual tidak bertemu muka
 - II Pembeli boleh mendapatkan barangan tanpa menggunakan wang
 - III Penjual boleh menjual barangan tanpa memiliki barangan
 - IV Harga jualan hanya pada satu tingkat harga tertentu
- A I, II dan III C I, III dan IV
 B I, II dan IV D II, III dan IV



Rajah Aliran Fizikal Ekonomi Dua Sektor

38. Berdasarkan rajah di atas, yang manakah benar tentang pasaran X dan pasaran Y?
- I Pasaran X menentukan harga barangan dan pasaran Y menentukan upah buruh
 - II Pasaran X menentukan harga faktor dan pasaran Y menentukan sewa tanah
 - III Pasaran X menentukan harga faktor dan pasaran Y menentukan harga barang dan perkhidmatan
 - IV Pasaran X ialah pasaran faktor dan pasaran Y ialah pasaran barang dan perkhidmatan
- A I dan III C II dan IV
 B II dan III D III dan IV



39. Rajah di atas menunjukkan keluk keseimbangan pasaran buruh.

Apakah yang berlaku dalam pasaran buruh jika kadar upah ditetapkan pada RM20 sehari?

- A Wujud lebih penawaran buruh sebanyak 40 orang
- B Wujud lebih penawaran buruh sebanyak 15 orang
- C Wujud lebih permintaan buruh sebanyak 15 orang
- D Wujud lebih permintaan buruh sebanyak 40 orang

Harga (RM)	Permintaan (juta biji)	Penawaran (juta biji)
0.50	8	4
0.80	6	6
1.00	4	8
1.50	2	10

Jadual Permintaan dan Penawaran Pasaran bagi Buah Kelapa

40. Berdasarkan jadual di atas, antara berikut yang manakah akan berlaku sekiranya harga kelapa ditetapkan pada RM1.00 sebiji?

- I Terdapat lebih penawaran kelapa sebanyak 4 juta biji
- II Harga kelapa akan jatuh
- III Jumlah hasil penjualan kelapa akan meningkat
- IV Harga kelapa akan naik

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV